

## Analisis Perbahasan Konsep ‘Al-Hakim’ dalam Konteks Pemikiran, Tauhid serta Tamadun Islam

*Analysis of the Discussion of the Concept of ‘Al-Hakim’ in the Context of Thought, Tauhid and Islamic Civilization*

MUHAMMAD LATIFFI MAHADZIR, MOHD. AFIFUDDIN MOHAMAD & SHAIK ABDULLAH HASSAN MYDIN

### ABSTRAK

*Artikel ini bertujuan untuk menganalisis konsep ‘al-Hakim’ serta menelusuri peranan ilmuwan dalam kerangka ilmu, pemikiran dan tauhid. Secara khusus, objektif pertama kajian ini adalah untuk meneliti dan menghuraikan makna serta dimensi konsep ‘al-Hakim’ dalam tradisi intelektual Islam. Objektif kedua adalah untuk mengeksplorasi hubungan simbiotik antara ilmuwan Islam dengan tiga aspek utama, iaitu ilmu, pemikiran dan tauhid. Berdasarkan analisis awal, konsep ‘al-Hakim’ merujuk kepada golongan cendekiawan yang memiliki penguasaan multidisiplin dalam pelbagai bidang ilmu. Islam menempatkan pengetahuan pada kedudukan yang tinggi dan memuliakan golongan berilmu, sebagaimana yang ditegaskan dalam al-Quran melalui perbandingan antara mereka yang berilmu dengan mereka yang berada dalam kejahanan. Lebih daripada itu, konsep ‘al-Hakim’ dalam Tamadun Islam tidak dapat dipisahkan daripada kerangka ilmu, pemikiran dan tauhid. Tujuan utama kebijaksanaan yang terkandung dalam pemikiran ‘al-Hakim’ adalah untuk memperkuuh akidah yang berasaskan prinsip tauhid, iaitu pengakuan terhadap keesaan Allah S.W.T. Akal yang suci dan rasional secara intrinsik akan cenderung untuk menerima kebenaran tauhid kerana tauhid merupakan asas fundamental dalam struktur keimanan Islam. Melalui kajian ini, diharapkan dapat memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang peranan ilmuwan sebagai ‘al-Hakim’ dalam memelihara dan mengembangkan warisan intelektual Islam yang berteraskan tauhid.*

Kata Kunci: ‘al-Hakim’; Ilmuwan; Pemikiran; Tauhid; Tamadun Islam

### ABSTRACT

*This article aims to analyze the concept of ‘al-Hakim’ and explore the role of scholars within the framework of knowledge, thought, and tawhid. Specifically, the first objective of this study is to examine and elucidate the meaning and dimensions of the concept of ‘al-Hakim’ within the Islamic intellectual tradition. The second objective is to investigate the symbiotic relationship between Islamic scholars and three key aspects: knowledge, thought, and tawhid. Based on preliminary analysis, the concept of ‘al-Hakim’ refers to a group of intellectuals who possess multidisciplinary expertise in various fields of knowledge. Islam places a high value on knowledge and honors those who are knowledgeable, as emphasized in the Quran through the comparison between those who possess knowledge and those who are in a state of ignorance. Furthermore, the concept of ‘al-Hakim’ in Islamic civilization is intrinsically linked to knowledge, thought, and tawhid. The primary purpose of the wisdom embodied in the thought of ‘al-Hakim’ is to strengthen faith based on the principle of tawhid, which is the acknowledgment of the oneness of Allah s.w.t. A pure and rational intellect is inherently inclined to accept the truth of tawhid, as tawhid constitutes the foundational principle of Islamic belief. Through this study, it is hoped that a deeper understanding of the role of scholars as ‘al-Hakim’ in preserving and developing the Islamic intellectual heritage rooted in tawhid can be achieved.*

Keywords: ‘al-Hakim’; Scholar; Thought; Tawheed; Islamic Civilization

### PENDAHULUAN

Ilmuwan merupakan golongan yang dikurniakan kebijaksanaan yang mana pemikiran mereka difokuskan kepada usaha mencari kebenaran berlandaskan hujah yang berpaksikan kepada ilmu

(Al-Attas 1995). Hal ini dikatakan demikian kerana ilmu diumpamakan sebagai Cahaya yang berperanan untuk menerangi kegelapan (Al-Ghazali 2011). Golongan ini memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada kebaikan masyarakat (Nasr 1987). Kedudukan orang berilmu dalam Islam amat

dimuliakan seperti yang dijelaskan dalam al-Quran menerusi pelbagai ayat yang menegaskan keutamaan golongan berilmu berbanding golongan yang jahil (Surah al-Mujadalah: 11). Hal ini menggambarkan betapa tinggi martabat dan kedudukan individu yang memiliki ilmu dalam pandangan Islam (Al-Faruqi 1982). Golongan intelektual dalam tradisi Islam juga memikul tanggungjawab yang besar, iaitu membimbing dan mendidik masyarakat, khususnya umat Islam dalam setiap aspek kehidupan bagi mencapai nilai-nilai kemanusiaan yang luhur dan kelangsungan hidup yang berteraskan ketaatan kepada Allah S.W.T. (Iqbal 1930).

Namun, fenomena yang dapat dilihat pada masa kini menunjukkan bahawa umat Islam tidak lagi memiliki ciri-ciri seperti ilmuwan terdahulu. Kebanyakan mereka hanya menguasai atau cemerlang dalam bidang-bidang tertentu sahaja (Hoodbhoy 1991). Keadaan ini sangat berbeza dengan ilmuwan Islam pada zaman kegemilangan Tamadun Islam. Para ilmuwan terdahulu bukan sahaja pakar dalam bidang tertentu tetapi mereka juga merupakan individu yang menguasai pelbagai disiplin ilmu (Rosenthal 1970). Sebagai contoh, Ibn Bajjah, seorang ilmuwan terkenal dalam Tamadun Andalusia, merupakan seorang hafiz al-Quran yang juga mahir dalam bidang falsafah, kesusastraan dan astronomi (Gutas 2001). Selain itu, beliau juga dikenali sebagai seorang pemain gambus yang terkemuka dan memiliki kepakaran dalam pelbagai disiplin ilmu lain (Fakhry 2002).

#### DEFINISI ‘AL-HAKIM’

Menurut etimologi, istilah ‘al-Hakim’ berasal daripada akar kata bahasa Arab حكيم (h-k-m) yang bermaksud mengadili, menghukum atau menetapkan sesuatu dengan penuh kebijaksanaan. Selain itu, dalam konteks bahasa, ‘al-Hakim’ merujuk kepada seseorang yang membuat keputusan atau seorang pegawai yang dilantik untuk mengadili sesuatu perkara, khususnya dalam bidang perundangan. Hal ini sejajar dengan penggunaan istilah dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2010, hlm. 1616), yang mentakrifkan ‘hakim’ sebagai pembuat keputusan dan sumber hukum yang wajib dipatuhi.

Dari sudut terminologi Islam pula, ‘al-Hakim’ merupakan salah satu daripada nama dan sifat Allah yang bermaksud Maha Bijaksana dalam menetapkan hukum dan peraturan untuk sekalian makhluk-Nya. Secara keseluruhan, ‘al-Hakim’ menggambarkan kesempurnaan hikmah Allah dalam menentukan sesuatu, sebagaimana disebut dalam al-Quran:

إِنَّ رَبَّكَ حَكِيمٌ عَلِيمٌ

“Sesungguhnya Tuhanmu Maha Bijaksana lagi Maha Mengetahui.”

Menurut Ibn Manzur dalam Lisan al-‘Arab (1993, jil. 12, hlm. 146), istilah *hukm* merujuk kepada tindakan menetapkan sesuatu secara adil dan bijaksana, manakala ‘al-Hakim’ merujuk kepada Allah sebagai pemilik hikmah yang mutlak. Selain itu, dalam perbahasan ilmiah, ‘al-Hakim’ bukan sahaja bermaksud seorang hakim yang mengadili di dunia, tetapi juga merujuk kepada Allah S.W.T sebagai pembuat hukum yang adil dan tidak berpihak, sebagaimana dibahaskan oleh al-Raghib al-Asfahani dalam Mufradat al-Quran (2009, hlm. 125).

Dalam perundangan Islam, istilah ‘al-Hakim’ juga digunakan untuk merujuk kepada seorang *qadhi* (hakim) yang diberi kuasa dalam membuat keputusan berdasarkan syariat, selaras dengan peranan hakim dalam sistem kehakiman Islam. Justeru, definisi ‘al-Hakim’ mencakupi dimensi bahasa, syarak dan falsafah hukum, yang menjadikannya suatu konsep yang luas dalam ilmu Islam dan perundangan.

#### DEFINISI ‘AL-HAKIM’ MENURUT AL-QURAN

Terdapat pelbagai makna yang dimaksudkan dengan kalimah ‘al-Hakim’. Selain itu, dalam konteks ini, ia merujuk kepada salah satu sifat Allah S.W.T, iaitu Maha Bijaksana serta sifat al-Quran yang penuh dengan hikmah.

Justeru, untuk memahami makna ini dengan lebih mendalam, beberapa definisi daripada ulama tafsir telah dikemukakan. Menurut Ibnu Kathir (1999), istilah الحكيم dari segi perbuatan dan percakapan merujuk kepada meletakkan sesuatu pada tempatnya dengan hikmah dan keadilan (hlm. 445). Ibnu Qayyim al-Jauzi (2003) pula menyatakan bahawa al-Hakim merupakan salah satu daripada nama-nama Allah S.W.T dan al-Hikmah adalah antara sifat-Nya yang mulia. Hukum syariah dibina dengan penuh hikmah dan Rasulullah S.A.W diutuskan dengan membawa al-Kitab dan ‘al-Hikmah’, yang juga merujuk kepada sunnah Baginda S.A.W (hlm. 93).

Selain itu, al-Sa’di (2002) berpendapat bahawa ‘al-Hakim’ bagi Allah S.W.T bermaksud kebijaksanaan yang tinggi dalam penciptaan dan segala ketetapan-Nya. Segala ciptaan-Nya bukanlah sia-sia dan setiap ketetapan syariat mempunyai manfaat serta hukum yang jelas (hlm. 186).

### AL-HAKIM DALAM SURAH LUQMAN DAN SURAH YASIN

Terdapat tiga ayat di dalam surah Luqman yang mengandungi perkataan (الْحَكِيمُ), manakala dalam Surah Yasin, satu ayat menggunakan perkataan ini. Ayat kedua dari kedua-dua surah ini membawa maksud bahawa al-Quran ialah kalam Allah S.W.T yang penuh dengan hikmah dan kebenaran. Firman Allah S.W.T:

تِلْكَ آيَاتُ الْكِتَابِ الْحَكِيمِ

“Ini ialah ayat-ayat Kitab (al-Quran) yang mengandungi hikmah-hikmah dan kebenaran yang tetap kukuh.”

Menurut al-Qurtubi (2006), ‘al-Hakim’ dalam ayat ini merujuk kepada al-Quran yang tidak mengandungi sebarang kecacatan (hlm. 50). Wahbah al-Zuhaili (2013) pula menyatakan bahawa ayat ini menegaskan bahawa al-Quran disifatkan dengan ‘al-Hikmah’ yang datang daripada empunya hikmah, iaitu Allah S.W.T, tanpa cacat cela atau perselisihan dalam kandungannya (hlm. 128). Allah S.W.T berfirman di dalam surah Yasin:

وَالْقُرْآنُ الْحَكِيمُ

“Demi Al-Quran yang mengandungi hikmat-hikmat dan kebenaran yang tetap kukuh.”

Al-Qurtubi (2006) menjelaskan bahawa istilah ‘al-Hakim’ di sini menunjukkan bahawa al-Quran tersusun dengan sempurna, tidak mengandungi kesalahan atau kekurangan dari segi struktur dan maknanya (hlm. 5).

### AL-HAKIM DALAM SURAH LUQMAN AYAT 9 DAN 27

Ayat lain dalam surah Luqman yang mengandungi istilah ‘al-Hakim’ merujuk kepada sifat Allah S.W.T yang Maha Bijaksana. Firman Allah S.W.T:

خَالِدِينَ فِيهَا وَعَدَ اللَّهُ حَقًّا وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

“Kekalkan mereka di dalamnya. Demikian dijanjikan Allah – janji yang tetap benar; dan Dialah jua yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.”

Menurut al-Qurtubi (2006), al-Hakim dalam ayat ini bermaksud kebijaksanaan Allah S.W.T dalam setiap ciptaan dan hukum-hukum-Nya serta larangan daripada melakukan kerosakan (hlm.

288). Al-Maraghi (2001) pula menegaskan bahawa Allah S.W.T mentadbir makhluk-Nya dengan kebijaksanaan yang mutlak, memastikan setiap ciptaan dan perintah-Nya mempunyai hikmah tertentu (hlm. 76).

Firman Allah S.W.T dalam surah Luqman ayat 27 turut menekankan sifat ‘al-Hakim’:

وَلَوْ أَمَّا فِي الْأَرْضِ مِنْ شَجَرَةٍ أَفَلَامٌ وَالْبَحْرُ يَمْدُدُ مِنْ بَعْدِهِ سَبْعَةُ أَبْحَرٍ مَا نَفَدَتْ كَلِمَاتُ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

“Dan sekiranya segala pohon yang ada di bumi menjadi pena, dan segala lautan (menjadi tinta), dengan dibantu kepadanya tujuh lautan lagi sesudah itu, nescaya tidak akan habis Kalimah-kalimah Allah itu ditulis. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.”

Al-Maraghi (2001) menjelaskan bahawa ayat ini menggambarkan keluasan ilmu dan kebijaksanaan Allah S.W.T yang tiada penghujungnya serta keagungan penciptaan-Nya (hlm. 94). Wahbah al-Zuhaili (2013) turut menyatakan bahawa kebijaksanaan Allah S.W.T merangkumi setiap ciptaan dan ketetapan-Nya yang sempurna (hlm. 170).

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa ‘al-Hakim’ membawa maksud hikmah, kebenaran dan kesempurnaan sifat dalam al-Quran serta kebijaksanaan Allah S.W.T dalam segala ciptaan dan perintah-Nya. Makna ini merangkumi aspek ketetapan syariat, keindahan susunan al-Quran serta pengurusan makhluk-Nya yang penuh dengan keadilan dan hikmah.

### DEFINISI AL-HAKIM MENURUT FALSAFAH

Selain itu, dari sudut falsafah, istilah ‘al-Hakim’ merujuk kepada kebijaksanaan yang meliputi pengetahuan yang benar, tepat dan menyeluruh tentang sesuatu perkara serta kemampuan mengatur sesuatu dengan sempurna (Al-Faruqi 1982). Justeru, dalam konteks ini, kebijaksanaan bukan hanya tertumpu kepada pengetahuan teoretikal, tetapi juga merangkumi aplikasi praktikal yang berasaskan kebenaran mutlak. Menurut Ibn Sina (Avicenna), ‘al-Hakim’ merujuk kepada emban yang memiliki kesempurnaan ilmu dan mampu mewujudkan keteraturan dalam alam semesta melalui kebijaksanaan-Nya (Gutas 2001). Beliau menegaskan bahawa kebijaksanaan ini bersifat mutlak bagi Allah dan menjadi asas kepada undang-undang alam yang harmoni dan tersusun.

Al-Ghazali pula dalam karyanya “*al-Maqṣad al-Asna fi Sharh Asma’ Allah al-Husna*” menjelaskan bahawa ‘al-Hakim’ adalah sifat Allah S.W.T yang meliputi kebijaksanaan mutlak dalam menetapkan segala sesuatu sesuai dengan hikmah yang tersembunyi di sebalik ketetapan tersebut (Al-Ghazali 1992). Beliau turut membahaskan bahawa kebijaksanaan Allah S.W.T tidak terpisah daripada keadilan iaitu segala ketentuan-Nya memiliki tujuan yang mendalam dan kebaikan yang meluas kepada makhluk-Nya.

Dalam perspektif falsafah Islam klasik, istilah ini juga dikaitkan dengan konsep hikmah yang merujuk kepada pemahaman mendalam mengenai hakikat wujud (*ontology*) dan penyusunan kosmos secara tertib dan teratur (Nasr 2006). Pendekatan ini menegaskan bahawa hanya Allah yang memiliki ilmu sempurna dan kekuasaan mutlak dapat digelar ‘al-Hakim’ dalam erti sebenar.

Mustafa al-Adawi, istilah ‘al-Hakim’ membawa makna individu yang terpelihara daripada segala bentuk kerosakan. Beliau turut mengaitkan istilah ini dengan ‘al-Hakamah’, iaitu tali pengikat kuda yang berfungsi untuk mencegah kuda daripada berlari atau berjalan tanpa arah tujuan. Malah, beliau menyatakan bahawa terdapat surah dalam al-Quran yang dikenali sebagai *al-Muhakkamah* kerana kandungannya tidak boleh diubah, digantikan atau ditambah dengan perkara yang tidak termasuk dalam surah tersebut (Mustafa al-Adawi 2007).

Berdasarkan Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, perkataan ‘al-Hakim’ berasal daripada Bahasa Arab dan bermaksud Yang Bijaksana. Istilah ini juga merupakan salah satu daripada 99 nama Allah S.W.T yang tergolong dalam *Asma’ al-Husna*. Secara khusus, istilah ini menggambarkan sifat Allah S.W.T yang Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana.

Konsep ‘al-Hakim’ dalam al-Quran merujuk kepada sifat kebijaksanaan Allah S.W.T, sebagaimana dinyatakan dalam surah al-Baqarah, ayat 32:

فَأُلْوَى سِبْطَنَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَمْتَنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ

“Mereka berkata: Maha Suci Engkau, tiada yang kami ketahui selain daripada apa yang telah Engkau ajarkan kepada kami. Sesungguhnya Engkau lah yang Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.”

Ayat ini merakamkan pengajaran Allah S.W.T kepada Nabi Adam A.S mengenai nama-nama benda dan malaikat mengakui keterbatasan ilmu mereka

dan kebijaksanaan Allah S.W.T. Konsep ‘al-Hakim’ membawa implikasi luas dalam aspek keilmuan, perundangan, dan ketuhanan, serta menekankan kepentingan hikmah dalam kehidupan manusia yang berlandaskan nilai Islam.

Menurut tafsir al-Quran, terjemahan ‘al-Hakim’ sebagai Maha Bijaksana dianggap kurang tepat kerana maknanya lebih mendalam, merangkumi kebolehan mencipta dan menggunakan sesuatu dengan tepat mengikut sifat dan manfaatnya (Ibn Kathir 1980). Dalam *Tafsir Ibn Kathir*, ‘al-Hakim’ merujuk kepada Allah S.W.T yang Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana dalam segala ciptaan dan ketentuan-Nya, yang bersifat adil dan penuh hikmah.

Kamus Pengetahuan Islam mendefinisikan ‘al-Hakim’ sebagai salah satu *Asma’ al-Husna* yang bermaksud Yang Amat Bijaksana, di mana setiap ciptaan-Nya mempunyai tujuan yang signifikan (Dusuki 1988). Kamus al-Kautsar pula menambah bahawa istilah ‘hikmah’ merangkumi ilmu, keadilan dan falsafah yang benar (Husin 1989). Imam al-Qurtubi menjelaskan bahawa ‘al-Hakim’ berasal daripada ‘al-Hikmah’ yang merujuk kepada kebenaran dalam akidah, kefahaman agama dan kebijaksanaan, manakala Ibn Abbas mentafsirkannya sebagai akal dan kefahaman yang mendalam (Mohd. Nizam & Ahmad Hasan 2001).

Sebahagian ahli falsafah mentakrifkan ‘hikmah’ sebagai sifat yang menyerupai akhlak Allah S.W.T iaitu berakhhlak dengan nama dan sifat-sifat Allah S.W.T pada kadar yang sesuai dengan kemampuan manusia (Mohd. Nizam Mohd. Ali & Ahmad Hasan Mohd. Nizam 2001).

Oleh itu, berdasarkan penjelasan tersebut, ‘al-Hakim’ merupakan salah satu nama Allah S.W.T yang membawa maksud Maha Bijaksana dan Maha Suci. Namun, apabila istilah ini digunakan untuk manusia, ‘al-Hakim’ merujuk kepada keupayaan untuk menguasai pelbagai bidang ilmu, sama ada ilmu dunia atau ukhrawi. Sifat ‘hikmah’ atau kebijaksanaan ini dianggap penting kerana mampu mengelakkan seseorang daripada kebodohan (Mustafa Al-Adawi 2007).

Selain itu, dalam konteks keilmuan Islam, Ibn Bajjah seorang ilmuwan terkemuka dalam Tamadun Andalusia ialah contoh nyata bagi definisi ini. Beliau bukan sahaja pakar dalam bidang falsafah tetapi juga dalam perubatan, matematik dan astronomi. Ibn Bajjah menggunakan ilmunya untuk menyokong kajian falsafah berdasarkan matematik dan alam semula jadi. Oleh sebab itu, beliau dianggap sebagai

pelopor falsafah yang berpaksikan kepada asas saintifik (Sheikh Kamil Muhammad Muhammad U'waidhah 1993).

Kehebatan intelektual seperti Ibn Bajjah menjadikan gelaran ‘al-Hakim’ amat sesuai untuk beliau. Gelaran ini juga wajar diberikan kepada tokoh-tokoh ilmuwan Islam lain seperti Ibn Sina, Ibn Rushd, al-Farabi, al-Ghazali dan lain-lain lagi yang bukan sahaja memiliki kepakaran dalam pelbagai bidang tetapi juga berusaha mengintegrasikan ilmu mereka dengan nilai-nilai Islam yang luhur. Hal ini mencerminkan keunggulan Tamadun Islam dalam mengangkat martabat ilmu dan hikmah.

Rumusan daripada subtopik ini ialah konsep ‘al-Hakim’ dalam Islam merujuk kepada kebijaksanaan mutlak Allah S.W.T. sebagai Pencipta yang Maha Sempurna, iaitu setiap ketetapan dan ciptaan-Nya mempunyai hikmah yang mendalam. Kebijaksanaan Allah S.W.T merangkumi ilmu yang luas, keadilan yang mutlak dan ketetapan yang bebas daripada kesilapan. Apabila konsep ini diterapkan kepada manusia, ia merujuk kepada anugerah hikmah yang diberikan mengikut kadar kemampuan mereka, termasuk keupayaan memahami kebenaran, bertindak dengan adil dan menguasai ilmu dalam pelbagai bidang. Sepanjang sejarah Islam, tokoh ilmuwan seperti Ibn Bajjah, Ibn Sina, Ibn Rushd, al-Farabi dan al-Ghazali digelar sebagai ‘al-Hakim’ kerana kepakaran mereka dalam pelbagai disiplin ilmu serta usaha mereka mengintegrasikan pengetahuan dengan nilai Islam. Kebijaksanaan dalam Islam bukan sekadar kecerdasan intelektual tetapi turut merangkumi aspek moral, akhlak dan ketakwaan kepada Allah S.W.T. Oleh itu, manusia yang benar-benar bijaksana adalah mereka yang menggunakan ilmu dengan adil, beretika dan berlandaskan ajaran Islam, sekaligus mencerminkan hikmah yang dianugerahkan oleh Allah S.W.T.

#### KONSEP ‘AL-HAKIM’ DALAM KONTEKS PEMIKIRAN

Konsep ‘al-Hakim’ dalam Islam merujuk kepada kebijaksanaan yang berteraskan prinsip kebenaran, seiring dengan objektif penciptaan manusia sebagai makhluk yang berakal dan bertanggungjawab. Islam memberikan pedoman dalam membentuk pemikiran Rabbani yang murni dan seimbang sebagai asas kehidupan seorang Muslim (Ibn Khaldun 2000).

Menurut Hamka (2009), Islam sangat menyanjung tinggi peranan akal kerana tanpanya, ilmu tidak dapat dicapai. Akal menjadi pembeza utama antara manusia dan haiwan, kerana manusia

memiliki keupayaan untuk mencerap dan mengolah maklumat secara rasional. Oleh hal yang demikian, Islam diiktiraf sebagai agama yang mengharmonikan peranan akal dan wahyu sebagai sumber utama ilmu pengetahuan.

Allah S.W.T mengangkat martabat manusia, khususnya Nabi Adam A.S., yang dikurniakan keistimewaan melebihi malaikat, iblis, dan jin dan makhluk lain. Keistimewaan ini bukan sekadar bersifat fizikal tetapi merangkumi elemen rohaniah yang menjadi asas keunggulan manusia sebagai khalifah di bumi. Firman Allah S.W.T dalam Surah al-Tin, ayat 4:

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَفْوِيمٍ

“Sesungguhnya Kami jadikan manusia itu dengan sebaik-baik kejadian.”

Pemikiran yang berlandaskan akal yang sihat memungkinkan manusia untuk menilai dan memilih perkara yang membawa manfaat serta menghindari keburukan. Hamka (2009) menegaskan bahawa seseorang yang memiliki akal yang matang dapat menimbang sesuatu perbuatan, sama ada dalam bentuk kesenangan atau penderitaan, sebelum membuat keputusan yang bijak.

Manakala dalam konteks pembangunan tamadun, akal berperanan sebagai pemangkin yang membolehkan manusia mencipta pelbagai inovasi dan teknologi seperti jentera berat, sistem komunikasi dan infrastruktur moden (Nasr 1996). Namun, keterbatasan akal menjadi nyata apabila ia gagal mengenali aspek metafizik seperti kewujudan Allah S.W.T, konsep hari pembalasan serta peranan para nabi dan malaikat tanpa bimbingan wahyu. Oleh itu, Islam menggariskan prinsip keseimbangan dalam penggunaan akal agar tidak terjerumus dalam kesesatan pemikiran sekularisme atau rasionalisme melampau (Al-Attas 1995).

Hamka turut menegaskan bahawa akal adalah alat utama dalam pencapaian hikmah yang menjadi teras kepada konsep ‘al-Hakim’. Akal memberikan legitimasi kepada taklif atau kewajipan agama kerana hukum syarak hanya terpakai ke atas individu yang berakal. Justeru, akal bukanlah beban bagi golongan yang tidak memiliki keupayaan mental seperti kanak-kanak dan orang gila. Akal yang digunakan secara bijaksana akan membongkar rahsia alam dan mengangkat hijab kebenaran, sehingga membawa manusia kepada pengiktirafan terhadap keesaan Allah S.W.T (Hamka 2009).

Justeru, di dalam Islam, pemikiran tidak hanya tertumpu kepada aspek dunia seperti keperluan material tetapi juga merangkumi dimensi spiritual yang berlandaskan tauhid. Konsep ‘al-Hakim’ dalam pemikiran Islam menekankan integrasi antara akal, wahyu dan sunnah Rasulullah S.A.W. Matlamat utama kebijaksanaan ini adalah untuk mengukuhkan akidah tauhid, iaitu pengesaan Allah S.W.T. Firman Allah S.W.T dalam Surah al-Ikhlas, ayat 1-4:

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ \* اللَّهُ الصَّمَدُ \* لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُوَلَّْ \* وَمَا يَكُونُ لَهُ كُفُواً أَحَدٌ\*

“Katakanlah (wahai Muhammad): Allah itu Esa. Allah tempat bergantung. Dia tidak beranak dan tidak diperanakkan. Dan tidak ada sesuatu pun yang setara dengan-Nya.”

Akal yang sihat dan jernih akan tunduk kepada kebenaran tauhid, sebagaimana sebuah kapal yang hanya boleh dikemudi oleh seorang nakhoda bagi memastikan ia tidak tersasar daripada haluannya. Begitu juga, kestabilan sesuatu negara bergantung kepada kepimpinan yang satu. Allah S.W.T menegaskan dalam Surah al-Anbiya’, ayat 22:

لَوْ كَانَ فِيهِمَا إِلَهٌ إِلَّا اللَّهُ لَفَسَدَتَا فَسَبِّحْنَ اللَّهَ رَبِّ الْعَرْشِ عَمَّا يَصْفُونَ

“Sekiranya ada di langit dan di bumi tuhan-tuhan selain Allah, pasti keduanya akan rosak. Maka Maha Suci Allah, Tuhan Arasy, daripada apa yang mereka sifatkan.”

Kesimpulannya, konsep ‘al-Hakim’ dalam konteks pemikiran menuntut kebijaksanaan yang berpandukan wahyu dan sunnah di samping keterbukaan terhadap ilmu yang bermanfaat selagi tidak bercanggah dengan prinsip Islam. Kebijaksanaan ini membimbang manusia untuk mengenali Allah S.W.T melalui ilmu tauhid serta memahami penciptaan alam semesta sebagai tanda kebesaran-Nya (Al-Ghazali 2011). Pemikiran yang berteraskan tauhid menjadikan manusia lebih sedar akan tanggungjawab mereka sebagai khalifah, yang perlu mentadbir bumi dengan keadilan dan hikmah. Oleh itu, umat Islam diseru untuk menggunakan akal secara optimum dalam mencari keredaan Allah S.W.T serta menghindari kecenderungan kepada kedangkan materialisme yang melalaikan.

#### TAUHID MEMBENTUK PEMIKIRAN MANUSIA

Imam al-Ghazali (Al-Ghazali 1967) dan Sheikh Ibrahim al-Bayjuri (Al-Bayjuri 1994) berpendapat bahawa mempelajari ilmu Tauhid adalah fardu

(wajib) bagi setiap Muslim lelaki dan perempuan. Hal ini kerana semua Nabi dan Rasul yang diutus oleh Allah S.W.T menjadikan persoalan tauhid sebagai asas utama dalam risalah mereka. Sebagaimana firman Allah S.W.T dalam Surah al-Nahl, ayat 36:

وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولًا أَنِ اعْبُدُوا اللَّهَ وَاجْتَبَيْوَا الطَّاغُوتَ

“Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan Rasul kepada setiap umat (dengan menyerukan): Sembahlah Allah sahaja dan jauhilah Thaghut.” (Ahmad Mustafa al-Maraghi 1974).

Tauhid merupakan teras utama ajaran Islam. Syariat Allah S.W.T tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna tanpa keimanan yang kukuh kepada-Nya. Pelaksanaan syariat bergantung kepada tahap kepercayaan dan keyakinan seseorang kepada Allah S.W.T. Firman Allah S.W.T dalam Surah al-Bayyinah, ayat 7-8:

إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّلِحَاتِ أُولَئِكَ هُنْ حَمِيرُ الْبَرِّيَّةِ \* جَزَاؤُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ جَنَاحُ عَدْنِ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَلِيلُهُنَّ فِيهَا أَبَدًا  
وَرَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ ذَلِكَ لِمَنْ حَشِيَ رَبَّهُ

“Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh, mereka adalah sebaik-baik makhluk. Balasan mereka di sisi Tuhan mereka ialah syurga A’dnin yang mengalir di bawahnya sungai-sungai; mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Allah redha terhadap mereka dan mereka redha kepada-Nya. Balasan itu adalah bagi orang yang takut kepada Tuhannya.”

Ilmu tauhid bertujuan untuk memperkuatkan keyakinan dan kepercayaan agama melalui akal fikiran. Tauhid tidak hanya berfungsi untuk meneguhkan kepercayaan kepada Allah S.W.T, tetapi juga memainkan peranan penting dalam membentuk sikap dan perilaku seseorang. Tauhid menjadi asas kepada falsafah hidup yang positif, mendorong sikap optimis dalam menghadapi kehidupan serta memberikan keyakinan bahawa tiada yang berkuasa selain Allah S.W.T.

Mohd. Affandi Hassan (1992) menegaskan bahawa adab akal ialah penggunaan akal secara tepat, iaitu dengan mengetahui batas kemampuannya dan meletakkan peranan akal pada tempat yang sesuai. Akal digunakan sebagai alat untuk mengenal hakikat kewujudan Tuhan yang Maha Esa dan kedudukan manusia sebagai makhluk.

Menurut Abdul Ghani Yahya dan Omar Yusof (2008), seseorang yang berfikir, memerhati dan meneliti kejadian alam ini akan memperoleh petunjuk bahawa Tuhan yang mencipta segalanya ialah Allah S.W.T.

Selain itu, ilmu tauhid juga berperanan sebagai medium untuk membangunkan kepercayaan dan keimanan dengan menyingsirkan segala bentuk keraguan dan dakyah yang dilemparkan oleh musuh-musuh Islam. Selain itu, ia mencegah seseorang daripada beramal secara ‘*taklid*’ tanpa pengetahuan yang sahih (Kamus Dewan 2010).

#### HUBUNGAN ANTARA KONSEP AL-HAKIM DENGAN TAUHID

Konsep Tauhid merupakan asas utama dalam pemikiran Islam dan memainkan peranan yang signifikan dalam perbahasan mengenai kebijaksanaan Allah S.W.T. yang terkandung dalam konsep ‘al-Hakim’. Menurut Islam, ‘al-Hakim’ merujuk kepada sifat Allah S.W.T. sebagai Maha Bijaksana, iaitu segala keputusan dan hukum-Nya berpaksikan kepada kebijaksanaan yang mutlak. Kebijaksanaan ini tidak terpisah daripada Tauhid, kerana prinsip keesaan Allah S.W.T menjadi asas dalam memahami kebenaran serta keadilan yang mendasari syariat Islam (Al-Ghazali 1967). Firman Allah S.W.T. dalam al-Quran daripada surah al-Tahrim ayat 2 yang bermaksud “Dialah Yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana”, yang menegaskan bahawa segala ketetapan Ilahi adalah berdasarkan hikmah dan ilmu yang sempurna.

Pemikiran manusia dalam Islam tidak bersifat bebas tanpa batas, tetapi terikat dengan prinsip Tauhid yang mengarahkan penggunaan akal ke arah yang benar. Akal manusia tidak boleh berfungsi secara mutlak tanpa bimbingan wahyu dan syariat. Imam al-Ghazali dan Sheikh Ibrahim al-Bayjuri menegaskan bahawa ilmu Tauhid wajib dipelajari kerana ia membentuk pemikiran manusia agar seajar dengan kebijaksanaan Allah S.W.T. (Al-Bayjuri 1994). Mohd Affandi Hassan (1992) turut menegaskan konsep adab akal, iaitu penggunaan akal secara tepat dengan mengetahui batas kemampuannya dalam memahami hakikat kewujudan dan peranan manusia sebagai makhluk ciptaan Allah S.W.T. Oleh itu, akal harus berfungsi sebagai alat untuk mengenal kebenaran Ilahi dan bukan sebagai sarana mempertikaikan hukum-hukum-Nya.

Tamadun Islam berkembang berdasarkan prinsip Tauhid yang membentuk kerangka pemikiran ilmiah, etika sosial serta sistem perundangan yang adil. Ilmuwan Islam seperti Ibn Khaldun, al-Farabi dan al-Ghazali telah mengembangkan ilmu pengetahuan dengan berpandukan konsep Tauhid

dan kebijaksanaan Ilahi (al-Hakim), yang menjadi asas dalam memahami hukum-hukum alam serta struktur masyarakat (Al-Ghazali 1967). Tauhid juga menolak pemikiran sekular yang memisahkan agama daripada kehidupan, sebaliknya menegaskan bahawa kebijaksanaan dalam Tamadun Islam bertunjangkan keesaan Allah S.W.T. (Abdul Ghani Yahya & Omar Yusof 2008). Hal ini menunjukkan bahawa pembangunan tamadun Islam bukan hanya bersandarkan kepada pencapaian material semata-mata, tetapi juga kepada nilai-nilai spiritual dan etika yang berpandukan wahyu Ilahi.


Tauhid juga turut memberikan implikasi yang besar terhadap falsafah hidup dan etika manusia. Kepercayaan terhadap kebijaksanaan Allah S.W.T yang sempurna membentuk keyakinan bahawa segala ketetapan-Nya adalah adil dan mempunyai hikmah yang tersendiri, walaupun tidak dapat difahami secara zahir. Konsep ini memberi ketenangan kepada individu dalam menghadapi ujian kehidupan dan mengukuhkan keimanan mereka kepada Allah S.W.T. (Mohd Affandi Hassan 1992). Selain itu, Tauhid juga membentuk manusia yang berintegriti, bertanggungjawab serta beradab dalam setiap tindakan mereka kerana mereka menyedari bahawa segala amalan akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah S.W.T. (Al-Bayjuri 1994). Melalui konteks ini, konsep ‘al-Hakim’ dalam Tauhid mengajarkan bahawa hukum Allah S.W.T. tidak boleh dipersoalkan tetapi harus diterima sebagai ketetapan yang mengandungi hikmah serta manfaat yang lebih besar kepada kesejahteraan manusia.

Kesimpulannya, perbahasan mengenai Tauhid dan kebijaksanaan Allah S.W.T dalam konsep ‘al-Hakim’ menunjukkan bahawa pemikiran manusia dalam Islam terbentuk melalui keyakinan terhadap keesaan-Nya. Tauhid bukan sekadar asas keimanan, tetapi juga mempengaruhi cara manusia berfikir, membangunkan tamadun serta membentuk sistem sosial dan perundangan yang adil. Pemahaman yang mendalam terhadap konsep ini membolehkan umat Islam mengatasi pelbagai cabaran kehidupan dengan menjadikan iman sebagai teras utama dalam setiap aspek kehidupan.

Tauhid adalah asas pemikiran yang memberikan panduan kepada manusia untuk mengenali Allah S.W.T, memahami hakikat kewujudan dan menjalankan kehidupan dengan penuh keyakinan terhadap kebesaran-Nya. Tauhid bukan sekadar akidah tetapi juga falsafah hidup yang mendorong manusia untuk menjadikan Allah S.W.T sebagai matlamat utama dalam setiap tindakan mereka.

Melalui tauhid yang kukuh, umat Islam dapat mengatasi pelbagai cabaran kehidupan dan

menjadikan iman sebagai teras dalam setiap aspek kehidupan.



RAJAH 1. Carta alir yang dibangunkan oleh penulis untuk memvisualisasikan hubungan antara konsep al-Hakim dengan pemikiran, tauhid dan tamadun.

Rajah di atas menunjukkan bahawa Tamadun Islam telah melahirkan para ilmuwan ‘al-Hakim’, di mana segala pemikiran mereka berlandaskan kepada tunjang tauhid yang kukuh. Konsep Al-Hakim sebagai kebijaksanaan Allah S.W.T menjadi asas dalam pembangunan tamadun, membentuk ilmuwan yang bijaksana serta pemikiran yang terarah.

Secara ringkasnya, tauhid mampu menjana pemikiran insan yang meletakkan akal pada tempatnya, berfikir tentang kebesaran Allah S.W.T, Tuhan Pencipta Seluruh Alam. Justeru, dengan memahami konsep ini, ilmuwan dan masyarakat Islam terdorong untuk mengenali Pencipta, sekali gus mengenali diri mereka sendiri sebagai makhluk yang diciptakan oleh Allah S.W.T.

Oleh hal yang demikian, pemahaman ini secara tidak langsung mendorong manusia untuk sentiasa mencari peluang mendekatkan diri dengan Allah S.W.T melalui jalan-jalan yang telah ditentukan oleh syarak. Hasilnya, Tamadun Islam berkembang dengan asas ilmu, pemikiran dan keimanan, melahirkan generasi yang berintelek serta bertanggungjawab dalam membina kehidupan yang diredhai Allah S.W.T.

## KESIMPULAN

Keintelektualan dalam Islam bertunjangkan konsep Tauhid, di mana keimanan kepada Allah S.W.T menjadi asas kepada perkembangan ilmu.

Ilmu dalam tradisi Tamadun Islam bukan sekadar himpunan maklumat, tetapi satu bentuk hujah rasional yang memperkuuh keesaan Allah S.W.T. Para ilmuwan Islam menilai dan menyesuaikan ilmu asing dengan prinsip syariat, memastikan ia selari dengan ajaran Tauhid.

Melalui konteks pemikiran Islam, konsep *al-Hakim* merujuk kepada kebijaksanaan yang berpaksikan tauhid dan kebenaran mutlak. Para ilmuwan Muslim yang digelar *al-Hakim* bukan sahaja menguasai pelbagai bidang ilmu tetapi juga menzahirkan integrasi antara intelektualisme dan kerohanian. Mereka melihat ilmu sebagai satu bentuk ibadah yang menghubungkan manusia dengan penciptanya seperti yang tercermin dalam karya tokoh seperti Al-Khawarizmi dan Ibn Sina, yang mengaitkan ilmu dengan keagungan Allah S.W.T.

Manakala dari sudut sejarah, konsep *al-Hakim* menjadi pemacu utama kecemerlangan Tamadun Islam, khususnya dalam era *The Golden Age*, apabila perkembangan intelektual bersifat holistik dan berlandaskan Tauhid. Ilmuwan Islam berperanan bukan sahaja sebagai sarjana tetapi juga sebagai penjaga nilai-nilai Islam dalam ilmu dan pembangunan peradaban. Oleh itu, analisis terhadap konsep *al-Hakim* dalam pemikiran Islam menampilkan hubungan erat antara intelektualisme, Tauhid dan perkembangan Tamadun Islam secara menyeluruh.

## PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh Skim Geran Penyelidikan Asas Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (kod: FRGS/1/2022/SSI13/USM/02/2). Pemberi dana tidak terlibat dalam perancangan kajian, pengumpulan data, analisis, interpretasi data, penulisan manuskrip atau penyerahan untuk penerbitan.

## RUJUKAN

- Al-Quran Al-Karim.
- Abdul Ghani Yahya & Umar Yusof. 2008. *Risalah At-Tauhid*, Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Ahmad Mustafa al-Maraghi. 1974. *Tafsir al-Maraghi*, Juzuk 3, *Masri: Mustafa al-Baab al-Halabi*.
- Al-Attas S.M.N. 1995. *Prolegomena to the Metaphysics of Islam: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Al-Bayjuri. 1994. *Al-Mukhtar Min Sharh al-Bayjuri A'la al-Jawharat al-Musamma Bi Tuhfat al-Murid al-Jawharah al-Tawhid al-Muqarrar Li al-Marhalah al-Thanawiyyah Bi al-Ma'ahad al-Azhariyyah*, Mesir: Idarah al-Markaziyah Li al-Ma'ahad al-Azhariyyah *Al-Munjid Fi Al-Lughah Wa A'lam*. 1975. Beirut: Dar al-Masyriq.
- Al-Faruqi I.R. 1982. *Al-Tawhid: Its Implications for Thought and Life*. International Institute of Islamic Thought.
- Al-Faruqi I.R. 1982b. *Islamization of Knowledge: General Principles and Work Plan*. Herndon: International Institute of Islamic Thought (IIIT).
- Al-Ghazali A.H. 1967. *Ihya' U'lum al-Din*. Mesir: Maktabah Mustaffa al-Baab al-Halabi.
- Al-Ghazali A.H. 2011. *Al-Ghazali on Invocations and Supplications: Book IX of the Revival of the Religious Sciences (Ihya Urum al-Din)*. Terjemahan oleh Kojiro Nakamura. Cambridge: Islamic Texts Society.
- Al-Ghazali. 1992. *Al-Maqṣad al-Asnā fi Sharh Asmā' Allāh al-Husna*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Ghazali. 2011. *The Incoherence of the Philosophers*. Brigham Young University Press.
- Al-Raghib al-Aṣfahāni. 2009. *Mufradat al-Qurān*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Amran Muhammad, *Dimensi Sains Dan Teknologi Dalam Tamadun Islam*, sila lihat: Majalah Al-Hikmah Bil.1, 4. Edisi Januari – Mac 1998.
- Dawan Rahardjo. 1993. *Intelektual Intelektualis dan Perilaku Politik Bangsa, Risalah Cendikiawan Muslim*, Bandung: Penerbit Mizan.
- Dusuki bin Haji Ahmad. 1988. *Kamus Pengetahuan Islam*, Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Ensiklopedia Islam. 1994 Jild. 1, Jakarta: P.T Ichtiar Baru Van Hoeve.
- Esa Khalid. 2001. *Konsep Tamadun Islam Sains dan Teknologi*, Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Fakhry M. 2002. *A History of Islamic Philosophy*. New York: Columbia University Press.
- Ghazali Darusalam. 2001. *Sumbangan Sarjana Dalam Tamadun Islam*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Gutas D. 2001. *Avicenna and the Aristotelian Tradition: Introduction to Reading Avicenna's Philosophical Works*. Brill Academic Publishers.
- Gutas D. 2001b. *Greek Thought, Arabic Culture: The Graeco-Arabic Translation Movement in Baghdad and Early 'Abbasid Society (2nd-4th/8th-10th centuries)*. London: Routledge.
- Hamka. 2009. *Falsafah Hidup*, Shah Alam, Selangor: Pustaka Dini.
- Hoodbhoy P. 1991. *Islam and Science: Religious Orthodoxy and the Battle for Rationality*. London: Zed Books.
- Husin al-Habsyi. 1989. *Kamus al-Kautsar Lengkap Arab-Melayu*, Batu Caves, Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Ibn Katsier, penterjemah H. Salim Bahreisy, H. Said Bahreisy. 1980. *Terjemahan Singkat Tafsir Ibnu Katsier Jld. 1*, Kuala Lumpur: Victory Agencie
- Ibn Khaldun. 2000. *Muqaddimah*. Princeton University Press.
- Ibn Manzur. 1993. *Lisan al-'Arab* (Jilid 12). Beirut: Dar Sadir.
- Iqbal M. 1930. *The Reconstruction of Religious Thought in Islam*. Lahore: Ashraf Press.
- Kamus Dewan Edisi Keempat 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus *Lisan al-Arab* 1996. Jild. 5, Kaherah: *Matba'ah al-Masriyah*.
- Mohd. Affandi Hassan. 1992. *Pendidikan Estetika Daripada Tauhid*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd. Nizam Mohd. Ali & Ahmad Hasan Mohd. Nizam 2001. *Hikmah Di Sebalik Wasiat Lukman 'al-Hakim'*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa
- Mohd. Yuosf Hj. Othman 2009. *Sains Masyarakat dan Agama*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Muhammad Abu Bakar 2000. *Ulama Intelektual, Ulu al-Bab dan Pemodenan*, Majalah Pemikir. Januari-Mac 2000.
- Mustafa Al-Adawi 2007. *Mencapai Kebahagiaan Dengan Ilmu dan Amal*. Selangor: Berlian Publication Sdn. Bhd.
- Nasr S. H. 1987. *Science and Civilization in Islam*. Cambridge: Islamic Texts Society.
- Nasr S. H. 1996. *Science and Civilization in Islam*. Harvard University Press.
- Nasr S. H. 2006. *Islamic Science: An Illustrated Study*. World Wisdom.
- Rosenthal F. 1970. *Knowledge Triumphant: The Concept of Knowledge in Medieval Islam*. Leiden: Brill.
- S. Hassan Ma'sumi. 1992. *Ibn Bajjah's 'Ilm al-Nafs*, New Delhi, India: Kitab Bhavan.
- Seyyed Hossien Nasr. 1981. *Islamic Life and Thought*, London: George Allen & Unwin Ltd.

- Muhammad Latiffi Mahadzir  
Pejabat ZAWAIN Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang  
E-mel: pimlm@usm.my
- Mohd. Afifuddin Mohamad  
Jabatan Kesihatan Komuniti, Institut Perubatan Dan Pergigian Termaju,  
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang  
E-mel: afifuddin@usm.my  
Pengarang koresponden
- Shaik Abdullah Hassan Mydin  
Pusat Pengajian Jarak Jauh (PJJ), Universiti Sains Malaysia,  
Pulau Pinang  
E-mel: abdullah@usm.my
- Sheikh Kamil Muhammad Muhammad U'waidhah. 1993. *Ibn Bajjah al-Andalusi al-Failasuf al-Kallaq*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Siddiq Fadzil. 2006. *Kaum Ilmuwan Dan Misi Pencerahan*. Selangor: Akademi Kajian Ketamadunan.
- Suhaila binti Abdullah. 2009. Prosiding Seminar Percambahan Pemikiran Islam; Dimensi 7 Prinsip Universiti APEX, *Konsep Kelestarian Ilmu Dalam Kalangan Cendekiawan Andalusia: Suatu Pengajaran Dalam Usaha Menjadikan USM sebagai Universiti APEX*, anjuran Pusat Islam dengan kerjasama Unit Latihan USM.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 2005. *Falsafah Dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib Al-Attas Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.